



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 29 APRIL 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MUSIM 'PENYU PD' PULANG BERTELUR, PORT DICKSON, SH -25	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2. 3.	MANGO GALORE AT AGROFIESTA 2024, NATIONAL, THE SUN -4 LAPAN TAN HARUMANIS DIBAWA KHAS DARI PERLIS, NASIONAL, SH -9	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12.	PERLIS MAHU ESKPORT SEMULA HARUMANIS, NASIONAL, SH -9 KEDA RANCANG USAHAKAN TANAMAN PADI WANGI, HUMA -JAMIL KHIR, NASIONAL, SH -9 TANAM PADI WANGI, HUMA DI TANAH TERBAR TANGANI ISU BERAS, LOKAL, HM -9 PEMBURU 'SI TULANG LEMBUT', LOKAL, HM -9 BANGUNKAN KONSEP PERTANIAN MENEGAK, KUALA TERENGGANU, SH -28 25 PETANI PALING ISTIMEWA, LOKAL, HM -13 KEDA EYES FRAGRANT RICE HUBS, NEWS, NST -8 JOHOR FARMERS STILL NOT OUT OF THE WOODS, NATION, THE STAR -10 MORE CATCH DUE TO RECLAMATION WORKS, NATION, THE STAR -3	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

29/4/2024

PORT DICKSON

25

HARIAN

# Musim 'penyu PD' pulang bertelur

Orang ramai dinasihatkan jangan buat kacau ganggu

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI  
PORT DICKSON

**S**elepas menemui 159 telur penyu spesies karah di Pantai Tarjung Gemok di sini pada Jumaat, sebanyak 117 telur penyu spesies agar pula ditemui pada Sabtu.

Telur tersebut ditemui di Pantai Bagan Pinang kira-kira jam 8.30 pagi oleh renjer penyu yang juga Pengerusi Pusat Pemuliharaan Penyu Glory Beach Resort, Hishamudin Abdul Manap.

Menurut Hishamudin,

kesemua telur tersebut telah dikutip dan dieramkan di pusat penetasan telur penyu di Glory Beach Resort.

"Proses pengeraman ini akan mengambil masa selama dua bulan dan berdasarkan pengalaman saya selama 15 tahun dalam bidang ini, biasanya 90 peratus telur-telur ini berjaya ditetaskan.

"Memandangkan sekarang ini sudah mula musim pendaratan penyu, kami renjer penyu akan mula membuat rondaan di kawasan pantai untuk mencari sarang telur penyu," katanya pada Ahad.

Menurutnya, kebiasaannya renjer akan menjejaki bekas trek penyu naik ke darat dan reptilia tersebut akan naik ketika air pasang.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan, Kasim Tawe ketika

dihubungi berkata, bulan Mac hingga Oktober merupakan musim penetasan penyu agar dan karah di Port Dickson setiap tahun.

"Sepanjang bulan April ini, sebanyak lima sarang telur penyu agar dan karah dijumpai di pantai Port Dickson, dan sebanyak 456 biji telur berjaya diselamatkan.

"Jadi, kita menasihati orang awam supaya tidak mengganggu, mengacau, mengutip dan menjual telur penyu kerana haluan ini dilindungi mengikut Kaedah-Kaedah Perikanan (Penyu dan Telur Penyu) 1976 Negeri Sembilan dan Akta Perikanan 1985," katanya.

Tambah beliau, orang ramai yang menjumpai penyu naik ke pantai untuk bertelur, sarang, penyu cedera atau mati diharap dapat maklumkan kepada Jabatan Perikanan Negeri Sembilan untuk tindakan selanjutnya.

Hishamudin menunjukkan sarang telur penyu yang dijumpainya di Pantai Bagan Pinang, Port Dickson.



Hishamudin menunjukkan sarang telur penyu yang dijumpainya di Pantai Bagan Pinang, Port Dickson.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/4/2024	THE STAR	NATIONAL	4

## Mango galore at Agrofiesta 2024

**KUALA LUMPUR:** Perlis agricultural staples, including *Harumanis* mango and other mango-based products were among the main attractions at the Agrofiesta 2024 held at a supermarket at Wangsa Maju, that started on Friday.

Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) said eight metric tonnes of *Harumanis* mangoes were brought in from Perlis for the event, including products such as *Harumanis* ice cream, *Harumanis* tarts, *Harumanis* glutinous rice, mango chocolates and mango shakes.

He said the three-day event programme targeted 25,000 visitors, with expected sales of RM500,000.

The event was officiated by Agriculture and Food Security Ministry Secretary-General Datuk Lokman Hakim Ali and was attended by Fama chairman and director-general Aminuddin Zulkipli and Abdul Rashid Bahri.

The event at AEON Alpha Angle aims to promote local agricultural products, which aligns with Fama's primary role of marketing agri-food products and expanding the market.

Agrofiesta 2024 also featured *Sala* mangoes, pomelos, honey jackfruit, sweet corn and *pulasan*, a fruit closely related to rambutans.

- Bernama

# Perlis mahu eksport semula harumanis



Pkebun harumanis kini mencari jalan untuk meningkatkan hasil dan kualiti buah mangga itu.

Mahu tingkatkan kembali pengeluaran untuk dipasarkan ke negara seperti Jepun dan Korea

Oleh HANID HANIF

Kerajaan Perlis berna... meningkatkan pe... ngeluaran buah mangga harumanis untuk mem... ke negara-negara... Menteri Besar, Mohd Shukri Ramli berkata, bekalan buah mangga harumanis di negeri itu sebelum ini pernah diekspor ke luar negara. Beliau berkata, kementerian perdagangan, kementerian pertanian dan kementerian tenaga kerja dan keselamatan akan bekerjasama untuk meningkatkan pengeluaran buah mangga harumanis ke negara-negara lain.

harumanis yang di... yang Perlis mem... perolehi kualiti ter... sendiri walaupun pad... harumanis dengan... nama buah itu.

"Kedang-kadang, dia (harumanis di... tanam di negeri lain) manis tapi tidak la... dan, namun di Perlis dia manis, itulah yang mungkin disebabkan pasaran di negara-negara lain."

Mohd Shukri berkata, beliau akan berusaha untuk meningkatkan pengeluaran buah mangga harumanis ke negara-negara lain.

"Jadi, kita sebagai kerajaan negeri sebenarnya sedang menghadapi dan membuat kajian sebab kita (bercadang) memajukan pengeluaran buah mangga harumanis ke seluruh dunia,"

Menurut beliau, buah mangga harumanis ini adalah salah satu produk pertanian yang mempunyai nilai ekonomi yang tinggi.

# Lapan tan harumanis dibawa khas dari Perlis

KUALA LUMPUR - Produk pertanian yang sinonim dengan Perlis, harumanis dan produk turunannya akan dibawa ke antara tarian utama pada penganjuran Agrofiesta 2024 yang berlangsung di sebuah pusat pameran di Kuala Lumpur.

Lembaga Pemasaran Pertanian (PAMA) Perlis akan membawa lapan tan harumanis khas dari Perlis sempena penganjuran Agrofiesta 2024. Produk-produk ini akan dipamerkan di samping produk-produk pertanian lain yang dihasilkan oleh petani Perlis.

"Agrofiesta 2024 menyedekahkan 30 lot jualan yang memberi matrikad kepada 17 usahawan. Program ini menyasarkan keseluruhan penganjurang seramai 25,000 orang dengan nilai jualan melebihi RM500,000 selama tiga hari," menurut FAMA.

Majlis perasmian Agrofiesta 2024 akan diadakan di sini pada Ahad. Setiausaha Kementerian Pertanian dan Negeri Semula, Mohd Shukri Ramli berkata, beliau akan menghadiri majlis perasmian tersebut.

Selain harumanis, program Agrofiesta 2024 juga meriahkan platform memberi persembahan kepada usahawan ke arah mempromosikan tahap perolehan mereka. Beliau berkata, beliau akan membawa lapan tan harumanis khas dari Perlis sempena penganjuran Agrofiesta 2024.



Pengunjung membeli buah mangga harumanis sempena penganjuran Agrofiesta 2024 di Kuala Lumpur.

# Keda rancang usahakan tanaman padi wangi, huma - Jamil Khir

ALOR SETAR - Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Ked) kini dalam perancangan mahu mengusahakan tanaman padi wangi dan padi huma yang bakal menjadi pelengkap kepada pengeluaran beras di Kedah.

Pengerusanya, Datuk Seri Jamil Khir Bahrom berkata, tanaman tersebut akan diusahakan di beberapa kawasan pertanian dalam wilayahnya bagi memulihkan dan meningkatkan pengeluaran beras di negeri itu.

"Usaha ini juga mungkin membolehkan kita menambah jenis varieti beras di pasaran nanti. Harap-harap nanti produk jenama kita ini akan berjaya dan berprestasi tinggi," katanya.

Tambahnya, pada waktu yang sama, penanaman ini secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan petani kerana harga padi beras wangi adalah tinggi berbanding padi beras putih tempatan.

meningkatkan pengeluaran padi wangi dan padi huma itu adalah strategi yang berpangkalan pada wangi dalam sidang akhir kata Ahmad.

Beliau berkata demikian semasa menghadiri majlis perasmian Agrofiesta 2024 di Kuala Lumpur.

"Jadi, kita cadang untuk melaksanakan di tiga daerah iaitu Baling, Sik dan Padang Terap yang tidak termasuk dalam kawasan tidak."

Jamil Khir berkata, beliau akan berusaha untuk meningkatkan pengeluaran beras di negeri itu.

## Tanam padi wangi, huma di tanah terbiar tangani isu beras

**ALOR SETAR** – Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) akan membangunkan tanaman padi wangi dan padi huma di kawasan tanah terbiar dalam wilayahnya di daerah Baling, Padang Terap dan Sik pada tahun ini.

Pengerusinya, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, projek tanaman rintis pembangunan padi wangi seluas 34.57 hektar itu dicadangkan di Kampung Weng Dalam, Baling.

"Projek rintis ini dijangka bermula September atau Oktober tahun ini dan KEDA sedang mengenal pasti pihak-pihak tertentu untuk membimbing peserta-peserta terlibat.

"KEDA kini mencari peserta yang berminat serta kawasan bersesuaian untuk dibangunkan selain rakan strategik berpengalaman bagi mempermudah proses pelaksanaan projek ini," katanya pada Majlis Sambutan Aidil-

fitri KEDA, di sini semalam.

Menurutnya, usaha membangunkan tanaman padi wangi dan padi huma itu adalah untuk membantu meningkatkan pendapatan petani memandangkan harga beras wangi adalah tinggi berbanding padi bagi beras putih tempatan.

"Selain itu, KEDA juga ingin membantu kerajaan dalam menangani isu pengeluaran beras di negeri ini," jelasnya.



**CONTOH** padi huma yang diusahakan seorang pesara di pekarangan rumahnya di Kampung Tebakang, Marang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/4/2024	HARIAN METRO	LOKAL	9

lokal

Oleh Nazdy Harun  
am@hmetro.com.my

Kuala Nerus

Sepanjang April hingga Oktober adalah bulan paling dinanti-nanti pemburu 'si tulang lembut' kerana jumlah dan hasil tangkapan lumayan mampu diperolehi.

Khalid Hashim, 40, dari Kampung Baru Seberang Takir dekat sini, berkata, dia hanya memfokuskan menjalankan aktiviti mencandat sotong sepanjang April hingga Ogos.

Menurutnya, musim sekarang sotong mudah diperolehi dan menjadi 'fenomena' apabila pengunjung dalam dan luar negeri juga tertarik untuk melakukan aktiviti mencandat.

Katanya, sebagai seorang nelayan sememangnya dia ke laut setiap hari namun sekiranya ada permintaan membawa pemancing dia menyewakan botnya bagi tujuan mencandat.

"Alhamdulillah, musim sotong sekiranya ada rezeki saya mampu memperoleh pendapatan antara RM200 hingga RM1,200 sehari bergantung hasil tangkapan.

"Kerja sebagai nelayan pendapatan bergantung kepada hasil diperolehi, sehari kalau tiada tangkapan pun pernah berlaku...lebih 100 kilogram (kg) hasil diperolehi pun ada," katanya menjadi nelayan sejak berusia 11 tahun.

Menurutnya, pernah dua hari dia tidak pulang kerana berkampung di 'kandang' sotong dan persiapan awal dibuat dengan membawa bekalan petrol, air batu dan makanan mencukupi.

Katanya, jarak sejauh lapan hingga 15 batu nautika memadai untuk mencari lubuk sotong dan hasil diperolehi dijual bergantung kepada harga semasa yang dibeli pemborong antara RM25 hingga RM28 sekilogram.

Suhaimi Sharifudin, 47, dari Kampung Seberang Takir, berkata, April merupakan pembuka tirai bagi aktiviti mencandat sotong di negeri ini dan sebagai nelayan dia lebih memfokuskan mendapatkan hasil laut berkenaan.

"Hasil tidak menentu antara 20kg hingga 90kg mampu diperolehi dan harga bergantung kepada pemborong antara RM27 hingga RM29 sekilogram.

"Namun, harga boleh meningkat apabila hasil tangkapan sotong menu-



“Musim sotong, sekiranya ada rezeki saya mampu peroleh antara RM200 hingga RM1,200 sehari”  
Khalid

run dan bekalan di pasaran sedikit," katanya.

Menurutnya, musim mencandat seakan-akan satu tarikan kerana ramai nelayan menyewakan bot mereka untuk dijadihkan aktiviti sport fishing.

Ahmad Kamal Hashim, 38, berkata, musim mencandat menjadi lubuk rezeki bagi nelayan selain menyewakan bot kepada kaki pancing, mereka juga turun mencandat sekiranya bot tidak disewa.

"Bagi saya yang tidak menyewakan bot, memilih ke laut mencandat sotong kerana permintaannya yang amat tinggi sepanjang masa.

"Saya bersama rakan turun ke laut jam 6 petang dan pulang jam 7 pagi dengan jarak perjalanan 17 batu nautika untuk ke lokasi mencandat," katanya.

Menurutnya, musim sotong biasanya dia tidak pulang dengan tangan kosong kerana tetap mendapat hasil walaupun sedikit.

KHALID menunjukkan sotong yang diperolehi melalui aktiviti mencandat.

## Pemburu 'si tulang lembut'

Ketibaan musim mencandat sotong dari April hingga Oktober limpahan rezeki buat nelayan



SUHAIMI (kanan) dan Ahmad Kamal menunjukkan hasil yang diperolehi mereka daripada aktiviti mencandat.

29/4/2024

SINAR

KUALA

28

HARIAN

TERENGGANU

# Bangunkan konsep pertanian menegak

Sultan Mizan bertitah kaedah ini gabungkan semua aktiviti dalam satu struktur

## KUALA TERENGGANU

**S**ultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin menyarankan agar konsep pertanian menegak dibangunkan menerusi pembuktian konsep (POC), supaya dapat menjadi contoh kepada pembangunan dengan menggunakan pendekatan lebih berinovasi.

Baginda bertitah, kaedah pertanian itu dapat mengawal sebarang penyakit secara lebih berkesan dengan pengendalian sisa buangan daripada sisa temakan dan tanaman, digunakan semula secara komprehensif dalam sektor ekonomi kitaran yang lain.

"Beta telah meneliti berkenaan *vertical farming* yang merupakan satu kaedah pertanian moden di mana semua aktiviti penanaman, penternakan serta akuakultur dijalankan dalam satu struktur bangunan yang dilengkapi dengan infrastruktur.

"Konsep pertanian ini merupakan satu kaedah pertanian masa depan, disebabkan oleh konflik guna tanah pertanian, cabaran kepada perubahan iklim serta keperluan permintaan bekalan makanan yang me-

FOTO: BERNAMA



Sultan Mizan berkenan bertitah pada Istiadat Pengurniaan Gelaran dan Bintang-bintang Darjah Kebesaran Negeri Terengganu sempena Sambutan Ulang Tahun ke-62 Hari Keputeraan Sultan Terengganu di Istana Syarqiyyah pada Ahad.

ningkat, dengan kadar pertumbuhan penduduk dunia," titah baginda sempena Ulang Tahun ke-62 Hari Keputeraan Sultan Terengganu, di Istana Syarqiyyah, di sini pada Ahad.

Sultan Mizan bertitah, meskipun keluasan 244,000 hektar tanah pertanian di Terengganu dan separuh daripadanya telah ditanam dengan kelapa sawit dan getah, namun keperluan kepada pembangunan fizikal bagi memenuhi keperluan penduduk Terengganu merupakan pertimbangan yang perlu difikirkan bagi memastikan guna tanah bagi sektor agromakanan terus dikekalkan.

"Beta memahami salah satu fak-

tor menarik pelabur untuk melaksanakan projek di negeri ini adalah dengan ketersediaan tanah bersas komersial.

"Dengan pengisytiharan Setu sebagai Gedung Pengeluaran Makanan Negeri Terengganu, beta berharap lebih banyak peluang pelaburan dalam sektor pertanian, yang dapat memberikan limpahan manfaat kepada rakyat negeri ini," titah baginda.

Sultan Mizan turut bertitah, agar sektor pelancongan negeri perlu terus diberikan penekanan untuk meningkatkan tahap sosioekonomi rakyat Terengganu menerusi pelaksanaan, promosi, pelancongan, serta pengantjaran acara sepanjang tahun. - Bernama



Oleh Nazdy Harun  
an@hmmetro.com.my

### Kuala Terengganu

Walaupun sukar untuk berkomunikasi, si namun tidak menjadi halangan bagi 25 individu pekak mendalami ilmu pertanian sejak empat tahun lalu.

Zawiah Sulong, 59, dari Kampung Padang Midin di sini, berkata, peluang yang diberikan oleh Persatuan Orang Pekak Terengganu (POPT) membolehkannya mempelajari ilmu-ilmu berkaitan pertanian dengan cara yang betul.

Menurutnya, ilmu yang dipelajari di kebun (tapak projek) di Batu Buruk, dia mengadapatkan ilmu berkenaan dengan turut berkebun sendiri di kawasan halaman rumahnya.

Katanya, walaupun fizikal kelihatan normal namun keterbatasan untuk berkomunikasi menyebabkan dia sukar untuk bertutur dengan individu normal bagi mempelajari ilmu berkaitan tanaman.

"Justeru, dengan adanya program ini saya berpeluang mempelajari teknik-tanaman sayuran dan buah-buahan dengan betul.

Selain itu, program ini mampu memberi pulangan pendapatan yang diberikan melalui jualan sayuran dan buah-buahan yang ditanam, katanya.

Rakannya, Zulkifli Zakaria, 53, dari Kampung Duyong, dekat sini, berkata, melalui program seperti ini dapat meningkatkan kemahiran dan dalam masa

## ORANG PEKAK TIMBA ILMU BERTANI

# 25 petani paling istimewa



"Saya akui orang pekak sememangnya sukar untuk berkomunikasi apatah lagi untuk menghadiri kursus menghadiri kursus"  
Zulkifli Zakaria

Sementara itu, Pensyarah Falkulti Perikanan dan Sains Makanan UMT Prof Madya Ts Dr Wan Zailha Wan Sembok berkata, UMT menjalankan program pemindahan ilmu sejak 2020 bersama POPT yang mana permulaannya mereka menjalankan tanaman buah Melon Terengganu.

"Selepas itu dengan dana yang diperoleh, kita mengorak langkah dengan memulakan tanaman sayur-sayuran dan terbaru kita memperkenalkan tanaman roselle kepada peserta. Difahami, hasil jualan 70 peratus dibahagi kepada peserta manakala 30 peratus lagi disalurkan kepada persatuan.

"Dalam masa sama kita melihat program ini bukan saja satu proses pemindahan ilmu malah peserta juga dapat menjaga pendapatan mereka," katanya.



AHLI POPT menyembur baja pada tanaman yang ditusahakan.

AHLI POPT memungut hasil roselle yang ditanam. - Gambar NSTP/NAZDY HARUN.

ngan bantuan penterjemah profesional, Khalid Abdul Wahid Ahmad.

Presiden POPT, Tengku Arman Harris Tengku Ismail, 52, pula berkata, perisian itu menjalinkan usahasama bersama Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dalam menjalankan program pemindahan ilmu berkaitan tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan.

"Selain kerjasama bersama UMT, kami turut mendapat bantuan Jabatan Pertanian Negeri Terengganu (JPNT)."

"Usaha ini dilakukan bagi meningkatkan taraf ekonomi orang-orang yang dilihat masih tersisih berikutan kekurangan yang dihadapi," katanya.

Menurutnya, program itu memberi peluang kepada ahli POPT mempelajari ilmu pertanian dan perniagaan selain boleh diusahakan sendiri bagi meningkatkan pendapatan keluarga.





Kedah Regional Development Authority (Keda) chairman Datuk Seri Jamil Khair Baharom (second from right) receiving a mock cheque from a Keda Holding Sdn Bhd representative in Alor Star yesterday. PIC BY NOORAZURA ABDULL RAHMAN

## FOOD SECURITY

# KEDA EYES FRAGRANT RICE HUBS

Agency plans to develop areas outside  
Made into cultivation centres

AHMAD MUKHSEIN MUKHTAR  
ALOR STAR  
news@nst.com.my

**T**HE Kedah Regional Development Authority (Keda) plans to develop areas outside the Muda Agriculture Development Authority (Mada) into fragrant rice and *padli huma* (hill padi) cultivation hubs.

Its chairman, Datuk Seri Jamil Khair Baharom, said the project

start in September or October. "Keda is identifying mentors to guide participants in this project. Keda also aims to promote hill padi cultivation.

"We are seeking participants, areas for development and experienced 'strategic partners', he said at the Keda Hari Raya open house here.

Present were Keda chief executive officer Ismahatimi Shariff and deputy chief executive officer (operations) Khairul Azmeer Abu Bakar.

Jamil said the development of the fragrant rice and hill padi cultivation project aimed to complement local white rice production in Kedah.

"Keda is responsible for developing idle land outside Mada areas.

"So, we are proposing implementation in rice districts — Baling, Sik and Padang Terap — which fall outside Mada's jurisdiction.

"This project will introduce additional rice varieties to the market. Hopefully, our branded products will gain traction, and Keda's fragrant rice will become synonymous with the people of this state," he said.

Jamil added that the project could increase farmers' income as the price of fragrant rice was higher than that of local white rice.

# Johor farmers still not out of the woods

By **VENESA DEVI**  
venesa@thestar.com.my

**JOHOR BARU:** The heatwave that has been scorching the country may have subsided in most parts of Johor, but fruit farmers feel that it is too soon to heave a sigh of relief.

Johor Fruit Farmers Association chairman Francis Hong said this was because some fruits, especially seasonal ones, had yet to reach their harvesting period, making it difficult to gauge the full impact of the hot weather.

"Farmers faced difficulties in ensuring their crops are watered for many weeks previously, and this may have led to lower yields," he told *The Star*.

He said that during the dry



**Rain is good:** Hong (left) and Lim are hoping things will return to normal soon.

spell, the association received reports from fruit farmers statewide who saw the flowers on their trees falling before they could grow into fruits.

"Among the fruits that may be affected are durian.

"During the flowering period,

farmers said that the flowers were falling from the trees due to the hot weather.

"This means there is a high possibility of lower durian yields in Johor.

"We will only see the full effect in June, which is the next durian season," he said.

Hong, who is also the vice-president of the Malaysia Fruit Farmers Association, said the same phenomenon was expected to be found in other parts of the country.

Meanwhile, Malaysia Federation of Vegetable Farmers Associations president Lim Ser Kwee said vegetable farmers in Johor were not badly affected.

"The situation is not so bad in Johor but farmers in the state saw

lower yields a few weeks ago, especially for vegetables such as cucumber and sawi (mustard greens).

"However, with the rain falling regularly again, things seem to have gone back to normal," he said, adding that vegetable farmers in Perak and Pahang were among those badly hit.

Lim said the prices of vegetables were also expected to see a slight increase due to the lower production nationwide.

"The festive season, which led to higher demand for vegetables, coupled with the lower yield, caused prices to go up.

"However, it will not be too significant and is expected to go down again once the festive season is over," he said.

# More catch due to reclamation works

Penang prawn fishermen say they are netting more than double their bounty

By LO TERN CHERN  
andlo@thestar.com.my

**BALIK PULAU:** The concerns of fishermen over reclamation works off the south of Penang island that it would affect their catch have been put to rest.

Prawn fishermen who use a traditional way of netting the prawns have been getting more than double their catch and they believe it is because the reclamation shields their fishing grounds from strong waves.

Fishermen along the coast of Teluk Kumbar, about 4km to the west of where Silicon Island reclamation is happening, are all smiles over this development.

Veteran fisherman Muhammad Long, 67, who grew up in the village, said the reclamation has brought him good fortune.

"We no longer need to travel far out as shallow waters here provide plenty for us.

"We stay within a 2km to 3km range from shore.

"On average, we net between 20kg to 30kg of prawns from a day's work.

"This year, our highest record was 55kg," he said, adding that in the past, such a catch rate was not possible so close to shore.

Muhammad, who is part of the Teluk Kumbar fishermen unit comprising some 140 members, brushed aside claims that marine catches have dwindled along the southern coast since reclamation works commenced last year.



**A hard day's work:** Fishermen bringing in their catch in Teluk Kumbar. — LIM BENG TATT/The Star

"Most of us who frequently venture out to sea still receive ample catch day and night, unaffected by the reclamation works.

"As long as we remain hard-working, there is plenty of fish to sustain us," he added.

Another fisherman Idris Ismail, 69, said after over 40 years of fishing, he saw improvements soon after the works began.

"I still go out to sea about 20 times a month to catch senangin (threadfin), bawal (pomfret) and kembong (Indian mackerel), and occasionally crabs.

"Recently, I noticed a 70% increase in catch compared to previous years, which I attribute to the ongoing reclamation as it creates more food and blocks strong currents from reaching the shoreline," he said.

Idris added that it is unfortunate that at present, only one island would be reclaimed and that it is quite distant from their location.

"If two more islands were reclaimed closer to us, it would offer better protection from winds and waves, enabling us to farm fish in cages along the

shore," he said.

Reclamation for the 930ha Silicon Island was approved and began on Sept 1 and is expected to take between 10 and 15 years to complete in two phases.

The project's planned developments include the Green Tech Park (GTP) and Heart of the Island (HOTI) business district to attract high-impact investments.

The GTP will feature advance high-value technology components, with research, design and development, high-tech manufacturing, advanced packaging, automation, robotics, artificial intelligence (AI) and the Internet of Things (IoT) being the key focus area.

HOTI, meanwhile, is planned as a waterfront commercial hub which will serve as the pulse of the island.

The reclamation project was originally designed to fund part of the Penang Transport Master Plan, which includes the Pan Island Link, light rail transit (LRT) and other projects.

But with the Federal government fully funding the LRT project from Bayan Lepas to Tanjung Bungah, the reclamation was scaled down by 49%, with plans for two other islands shelved indefinitely.

Last month, 96% of Penang's fishermen registered for the project's social impact management plan to facilitate compensation benefits for those affected by the reclamation.